



15 Julai 2016
15 July 2016
P.U. (A) 199

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 3) 2016

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) (REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY) (NO. 3) ORDER 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 3) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 3) 2016**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 18 Julai 2016.

Peremitan cukai

2. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] oleh mana-mana individu atau entiti yang berikut berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan produk, kemudahan, program dan jaminan yang disebut dalam perenggan 4 hendaklah diremitkan sepenuhnya:

(a) Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam yang baginya Akta terpakai menurut kuasa Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam) 2016 [*P.U. (A) 198/2016*];

(b) mana-mana pemegang Kertas Komersial Islamik atau Nota Jangka Sederhana Islam;

(c) mana-mana pemegang Kertas Komersial Konvensional atau Nota Jangka Sederhana Konvensional;

- (d) mana-mana pembiaya *Pembiayaan Revolving Credit* Islam Bersindiket, yang disebut “Pembiayaan RC-i” dalam Perintah ini;
- (e) mana-mana pembiaya *Pembiayaan Kredit* Bersindiket, yang disebut “Pembiayaan Kredit” dalam Perintah ini;
- (f) mana-mana pihak lain kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Program Kertas Komersial Islamik dan Nota Jangka Sederhana Islam, yang disebut “Program ICP dan IMTN” dalam Perintah ini, atau jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia, termasuklah mana-mana pihak yang kepadanya perjanjian, nota, surat cara dan dokumen itu dipindahkan atau diserahkan;
- (g) mana-mana pihak lain kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Program Kertas Komersial Konvensional dan Nota Jangka Sederhana Konvensional, yang disebut “Program CP dan MTN” dalam Perintah ini, atau jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia, termasuklah mana-mana pihak yang kepadanya perjanjian, nota, surat cara dan dokumen itu dipindahkan atau diserahkan;
- (h) mana-mana pihak lain kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan *Pembiayaan RC-i*, termasuklah mana-mana pihak yang kepadanya perjanjian, nota, surat cara dan dokumen itu dipindahkan atau diserahkan;
- (i) mana-mana pihak lain kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan *Pembiayaan Kredit*, termasuklah mana-mana pihak yang kepadanya perjanjian, nota, surat cara dan dokumen itu dipindahkan atau diserahkan; atau

- (j) mana-mana pihak lain kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia, termasuklah mana-mana pihak yang kepadanya perjanjian, nota, surat cara dan dokumen itu dipindahkan atau diserahkan.

Peremitan duti setem

3. Apa-apa duti setem yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*] berkenaan dengan apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan produk, kemudahan, program dan jaminan yang disebut dalam perenggan 4 hendaklah diremitkan sepenuhnya.

Pemakaian

4. Perintah ini hendaklah terpakai bagi—

- (a) Kertas Komersial Islamik dan Nota Jangka Sederhana Islam yang diterbitkan atau akan diterbitkan oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam menurut Program ICP dan IMTN;
- (b) Kertas Komersial Konvensional dan Nota Jangka Sederhana Konvensional yang diterbitkan atau akan diterbitkan oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam menurut Program CP dan MTN;
- (c) Pembiayaan RC-i yang diperoleh oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam;
- (d) Pembiayaan Kredit yang diperoleh oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam; dan
- (e) jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia yang berhubungan dengan Kertas Komersial Islamik dan Nota Jangka Sederhana Islam, Kertas Komersial Konvensional dan Nota Jangka Sederhana Konvensional, Pembiayaan RC-i dan Pembiayaan Kredit: